

# PERSEPSI PELAJAR FPQS TERHADAP KEBERKESANAN DAKWAH MENERUSI LIRIK NASYID KONTEMPORARI

Wan Nur Huda Binti Wan Setapa<sup>1</sup>  
Aisyah Salsabila Binti Zahari<sup>2</sup>  
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: [annrhuda223@raudah.usim.edu.my](mailto:annrhuda223@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: [aisyahsal@raudah.usim.edu.my](mailto:aisyahsal@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my))

**Abstrak:** *Nasyid merupakan nyanyian yang berbentuk keagamaan Islam dan mengandungi kata-kata nasihat untuk menyampaikan dakwah dan mengingatkan manusia khususnya kaum muslimin mengenai ajaran-ajaran dari Al-Quran dan hadith. Walaubagaimanapun, nasyid juga diklasifikasikan sebagai genre muzik dengan nada keagamaan. Sejurus itu, lirik nasyid yang diilhamkan dari unsur ketuhanan ini bermula dengan penggunaan metafora mereka tersendiri bagi menyingkap cara dalam mendekati hubungan kepada Allah SWT (Yanti, 2016). Namun begitu, sejauh manakah kefahaman masyarakat menerusi dakwah yang disampaikan dalam lirik nasyid kontemporari. Hal demikian, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti persepsi pelajar FPQS USIM terhadap tahap keberkesanan industri nasyid dalam penyebaran dakwah. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan pentadbiran soal selidik ke atas sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Selain itu, kajian ini juga merujuk data-data yang telah dibuat kajian lepas yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa nasyid memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dakwah dalam era globalisasi ini. Konklusinya, lirik nasyid bukanlah hanya untuk menghiburkan tetapi untuk mewujudkan suasana ketenangan di samping itu mendapat nilai murni. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dakwah dalam industri nasyid.*

**Kata Kunci:** *Dakwah, Lirik Nasyid, Kontemporari, Genre Muzik, Unsur Ketuhanan*

## **Pengenalan**

Nasyid adalah sejenis hiburan islamik yang mungkin dihargai kerana keindahannya, melodinya yang merdu, dan irama yang menenangkan (Hannah Zulkifli & Khazri Osman, 2022). Nasyid bukan sahaja masyhur di kalangan orang dewasa, tetapi juga di kalangan remaja dan kanak-kanak. Nasyid telah menjadi medium menyebarkan dakwah secara berhikmah, berdasarkan Firman Allah yang bermaksud: “Serulah kepada jalan Tuhan-Mu dengan penuh hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah dengan cara yang baik.” Surah an-Nahl: 135. Nasyid juga turut mengajak manusia untuk berzikir kepada Allah SWT seperti zikir dan doa turut menghiasi seni nasyid. Tambahan pula, Nasyid juga telah menjadi medium penyebaran dakwah dalam dunia penyiaran, di mana lagu nasyid telah menjadi salah satu bentuk seni hiburan yang disiarkan di kaca televisyen dan radio. Radio IKIM FM dan radio ZAYYAN juga turut menjadi siaran hiburan pilihan sebahagian remaja Islam masa kini.

Penyampaian dakwah bukan hanya melalui sosial media, akan tetapi juga boleh menggunakan kesenian sebagai media untuk berdakwah. Menurut Sahlan & Nizam (2020), Nasyid dilihat sebagai hiburan alternatif dalam kalangan masyarakat yang menginginkan hiburan berkonsepkan ketuhanan. Walaupun dakwah dan nasyid merupakan dua elemen yang berbeza dari segi pengertian, namun wujud persamaan dari aspek tujuan iaitu menyampaikan ajaran Islam (Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed, 2017). Dengan itu, nasyid turut menjadi salah satu aktiviti kesenian di universiti sama ada pertandingan atau dipersembahkan dalam majlis-majlis tertentu. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk minat sambil mengasah bakat seni nasyid dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Namun begitu, timbul persoalan sejauh manakah lagu-lagu nasyid yang dinikmati dapat difahami dan dihayati sebagai medium dakwah dalam mendekati diri kepada Allah.

Bagi memahami tahap kefahaman nasyid terhadap pelajar FPQS USIM, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti persepsi pelajar FPQS USIM terhadap tahap keberkesanan industri nasyid kontemporari dalam penyebaran dakwah.

## **Tinjauan Literatur**

Bersesuaian dengan objektif kajian ini, pengkaji bertujuan untuk memahami literatur sedia ada mengenai keberkesanan dakwah menerusi lirik nasyid kontemporari. Yang pertama, kajian dari Eri Satria & Roslan Mohamed (2017) tentang analisis terhadap peranan nasyid dalam dakwah. Pada kajian ini, penulis mengumpulkan data dari beberapa sumber seperti buku dan jurnal bahawa adakah dakwah dan nasyid berhubung. Berhubung dengan itu, penulis menggunakan metodologi kajian kualitatif dalam mengumpulkan data maklumat melalui laman web seperti artikel, jurnal dan sebagainya. Setelah dikaji dan dianalisis, antara dakwah dan nasyid mempunyai hubungan yang erat walaupun dari sudut maksudnya berbeza, tetapi keduanya mempunyai tujuan yang sama.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hannah Zulkifli & Khazri Osman (2022), kajian bertujuan mengenal pasti nasyid sebagai hiburan dalam bentuk dakwah dengan lebih terperinci. Berhubung dengan itu, kajian ini bertujuan membincangkan pendekatan dan peranan nasyid dalam dakwah Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menjadi panduan kepada pengkaji untuk menyokong fakta yang diperolehi. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan.

Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Lukmanul, Zulkifli & Raja (2014) bertujuan menjelaskan dan membincangkan hukum berhibur melalui media sama ada dengan cara

mendengar muzik, lagu, nasyid dan menyanyi dari segi pandangan fatwa. Metodologi analisa dokumen digunakan bagi meneliti dan memperoleh maklumat berkaitan pandangan Islam akan isu ini. Kesimpulan daripada kajian ini mendapati Islam tidak menghalang sesuatu seni muzik sama ada tradisional atau moden selagi mana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Disamping itu, berdasarkan kajian lepas Muhammad Harith (2019), telah menjalankan suatu kajian bagi mengkaji persepsi Mahasiswa Komunikasi Penyiaran Islam Fakultas Dakwah dan Komunikasi UIN Raden Fatah Palembang Terhadap Dakwah Melalui Nasyid Moder. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian lapangan dan pengumpulan data/maklumat kuantitatif terhadap 40 mahasiswa. Kajian ini menerangkan tentang sejarah perkembangan seni nasyid di Indonesia. Pada akhir kajian terdapat persepsi yang positif dan negatif terhadap dakwah melalui nasyid moden mengikut persepsi mahasiswa jurusan komunikasi penyiaran Islam. Memetik pandangan Muhammad Harith (2019), kemodenan nasyid boleh menimbulkan pelbagai persepsi kepada mereka yang mendengar. Selain itu, beliau juga bersetuju dengan pernyataan bahawa nasyid merupakan satu cabang seni yang bersendi dan berpaksikan Islam kerana mengandungi lirik yang merangkumi pesanan, ingatan, kisah para nabi, seruan dakwah Islamiah dan meniupkan semangat dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Namun terdapat kelemahan dalam artikel ini, iaitu pengkaji kurang mengemukakan karakteristik dakwah bagi setiap contoh-contoh nasyid kontemporari.

Seterusnya, kajian daripada Maria Ulfa (2017) adalah suatu kajian bagi mengenal pasti lirik cinta nasyid Inggeris dalam memahami maksud dan dakwahnya khususnya melalui kumpulan nasyid Raihan dan Snada. Kajian ini mengumpulkan data daripada kajian-kajian lepas yang berkait dengan tujuan kajian. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah Teori puisi melalui meneliti kata-katanya dari sudut beberapa unsur puisi bagi mendapatkan data utama dari analisis lirik. Kajian ini menceritakan mengenai ciri-ciri bagi lirik lagu cinta Inggeris yang bertajuk “Bonds of Love” oleh Raihan dan “Highest Love” oleh Snada bagi menganalisis elemen yang digunakan dalam menyampaikan mesej-mesej dakwah Islam. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Maria Ulfa (2017), mesej dakwah dalam nasyid juga dipengaruhi melalui perilaku, nada suara dan situasi penyanyi muslim. Dengan kata lain, ia dilakukan dengan mengingatkan dan mengembalikan individu Muslim kepada keimanan dan dengan menyeru, menyambut, mempengaruhi, dan berdoa kepada Allah.

Akhir sekali, kajian Sahlan & Nizam (2020) adalah suatu kajian bagi mengkaji persepsi pelajar, nasyid sebagai medium dakwah disekolah. Perolehan data kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik terhadap pelajar tingkatan 4 pada lima buah sekolah. Kajian ini menjelaskan 4 dimensi faktor keberkesanan medium dakwah dalam sebuah nasyid iaitu, dakwah melalui seni nasyid, dakwah melalui lirik atau seni kata, dakwah melalui irama lagu dan dakwah melalui penampilan penyanyi. Sehubungan dengan itu, melalui pendekatan dakwah serta penekanan elemen kerohanian, disertakan juga dengan hiburan dan seni dapat memberi kesan yang besar kepada pelajar dalam mengukuhkan penghayatan untuk mempelajari agama dalam pelaksanaan aktiviti dakwah (Sahlan & Nizam, 2020).

## **Definisi Istilah**

### **Persepsi**

Berdasarkan Kamus Bahasa Melayu, persepsi ditakrifkan sebagai suatu gambaran dalam hati dan fikiran menerusi pandangan melalui pancaindera, tanggapan: kekuatan imaginasi, serta kepekaan terhadap alam dan kehidupan. Seterusnya, menurut Sugihartono, at all. (2007), persepsi ialah kaedah mentafsir atau menterjemah ransangan yang memasuki deria. Persepsi manusia, baik

dalam bingkai pengiktirafan positif dan negatif, akan mempengaruhi aktiviti yang tidak dapat disangkal. Oleh hal demikian, perbuatan positif biasanya akan muncul apabila kita melihat seseorang secara positif dan begitu juga sebaliknya.

### **Dakwah**

Menurut Abdul Salam (2021) dalam artikelnya menjelaskan bahawa ungkapan dakwah muncul dalam Al-Quran dalam pelbagai konteks, salah satunya ialah “menyeru manusia ke jalan Allah”. Tambahan pula, istilah dakwah cukup luas untuk merangkumi ibadah dan khidmat (pengabdian) kepada Tuhan, punca manusia dibentuk di dunia ini, dan ia selaras dengan Islam sebagai “din” (agama), cara hidup. Namun dalam kajian ini, da’wah yang diertikan adalah dakwah terhadap agama Islam bagi menyeru kaum Muslim mendekati diri terhadap Allah yang maha esa.

### **Nasyid**

Berdasarkan kajian Maria Ulfa (2017), beliau menyatakan pandangan Barendregt dan Zanten tentang takrif nasyid. Menurut mereka, pada mulanya istilah “nasyid” adalah daripada perkataan Arab “annasyid” (alamat atau resonansi), yang menunjukkan “penyanyi lagu keagamaan”. Dari segi muzik, ia merujuk kepada genre lagu, yang lazim di Malaysia pada tahun 1980-an, yang digunakan sebagai media dakwah (dakwah Islam). Bukan sahaja itu, lagu-lagu nasyid umumnya mempunyai irama yang sama dengan lagu-lagu Arab.

### **Kontemporari**

Menurut Kamus Merriam-Webster, kontemporari ditandai dengan ciri-ciri zaman sekarang iaitu moden dan semasa.

### **Latar Belakang Kajian**

Nasyid merupakan seni musik agama yang sedang berkembang sekarang ini yang banyak diminati oleh masyarakat Islam baik dari kalangan orang dewasa dan kanak-kanak. Nasyid pada asalnya adalah sama dengan seni musik yang lain, akan tetapi terdapat perbezaan dari segi penyampaian yang disampaikan iaitu nasyid lebih kepada penyampaian agama seperti nasihat, teguran dan sebagainya yang merupakan sebuah pesan dakwah yang menyebarkan agama Islam. Manakala, makna dakwah daripada lafaz perkataan Arab iaitu *دَعْوَةٌ يَدْعُو* yang bermakna meminta pertolongan, mengajak, memanggil dan menyeru (Ibn Manzur, 1994). Menurut Dwi Nur Masitah (2020), dakwah merupakan penyampaian ajaran Islam yang berupa ajaran kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Berdakwah kerana Allah adalah satu tuntutan kerana ia merupakan satu proses ta’lim (pembelajaran) dan tarbiah (pendidikan). Dakwah dapat dilakukan melalui berbagai cara, bukan hanya melalui lisan, tetapi juga boleh dilakukan melalui media seperti radio, televisyen, *youtube* dan lainnya. Dari sudut yang lain, Umat Islam diseru untuk berdakwah dan ia dihukum wajib berdasarkan Firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 125. Yang bermaksud “Serulah ke jalan Rabbmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbasahlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.”

Justeru itu, penyelidik berminat untuk mengenal pasti sejauh manakah kefahaman mahasiswa/wi FPQS dari USIM terhadap mesej dakwah melalui lirik nasyid kontemporari. Seterusnya mengetahui pendedahan mahasiswa/wi FPQS terhadap nasyid kontemporari.

Permasalahan Kajian

Realiti suasana dan gaya hidup remaja hari ini lebih cenderung kepada hiburan dan musik. Sehubungan dengan itu, nasyid dilihat sebagai salah satu hiburan alternatif yang boleh memberi manfaat. Menurut Ahmad Sahlam et al. (2020), Nasyid merupakan salah satu seni suara dan hiburan yang boleh menjadi medium dalam mendidik masyarakat terutamanya golongan remaja dengan nilai-nilai murni.

Nasyid pada awalnya berkembang oleh kerana lirik nasyid yang disampaikan. Namun terdapat segelintir pelajar lebih berminat kepada kumpulan pendakwah yang muda, suara merdu dan kacak. Bukan kerana lirik nasyid. Tambahan pula, sesetengah pelajar minat mendengar nasyid akan tetapi mereka tidak memahami maksud tersirat di sebalik lirik nasyid yang disampaikan. Walaubagaimanapun, mungkin dengan cara ini dapat menarik lagi minat masyarakat untuk mendengar nasyid dan menjadi tempat medium penyampaian dakwah melalui lirik-lirik nasyid yang boleh menyampaikan mesej-mesej positif.

Namun begitu, sejauh manakah tahap kefahaman pelajar terhadap lirik nasyid sebagai medium dakwah? Justeru, kajian ini akan mengenal pasti persepsi pelajar terhadap lirik nasyid sebagai medium dakwah.

### **Metodologi Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah menjalankan kajian berbentuk kuantitatif kepada pelajar Tahun 1,2,3 dan 4 ijazah sarjana muda Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diambil sebagai sampel kajian. Data kuantitatif didapati menerusi borang kaji selidik “Google Form” untuk menganalisis dan mengenal pasti persepsi pelajar tentang kefahaman pada lirik nasyid kontemporari.

### **Dapatan Kajian**

Hasil dari dapatan kajian ini, pengkaji membahagikan kepada 4 bahagian (bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D). Bahagian A iaitu demografi serta soalan umum berkenaan nasyid kontemporari. Manakala bahagian B mengenai kefahaman pelajar tentang mesej dakwah melalui lirik nasyid. Seterusnya, pada bahagian C, pengkaji memasukkan beberapa rangkap lirik nasyid bagi menguji kefahaman pelajar mengenai mesej dakwah yang ingin disampaikan melalui lirik nasyid tersebut dan yang terakhir pada bahagian D adalah soalan berkaitan persepsi pelajar terhadap lirik nasyid kontemporari dalam penyebaran dakwah Islam.

### **Bahagian A**

Bahagian A berkaitan tahun pengajian, kursus pengajian, serta soalan berkaitan pendedahan pelajar terhadap nasyid kontemporari dan nasyid kontemporari yang selalu didengari.

### **Jadual 1: Tahun Pengajian**

<b>Tahun Pengajian</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
1	2	5.6%
2	1	2.8%
3	8	22.2%
4	25	69.4%
Jumlah	36	100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang tertinggi mengisi soal selidik ini adalah pelajar tahun 4 iaitu seramai 24 orang, diikuti pelajar tahun 3 dan 1. Manakala pelajar tahun 2, terdapat seorang responden sahaja.

**Jadual 2: Kursus Pengajian**


<b>Kursus Pengajian</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
Quran & Sunnah	22	61.1%
Quran & Multimedia	3	8.3%
Sunnah dengan Pengurusan Maklumat	8	22.2%
Qiraat	3	8.3%
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>100%</b>

Berpandukan jadual di atas, menunjukkan bilangan responden daripada kursus pengajian FPQS. Bilangan responden dari kursus pengajian Quran dan Sunnah seramai 22 orang, 3 responden daripada kursus pengajian Quran dan Multimedia, seramai 8 orang daripada Sunnah Pengurusan Maklumat dan 3 responden dari kursus pengajian Qiraat.

**Jadual 3: Kekkerapan Pelajar Mendengar Nasyid Kontemporari**

<b>Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
Ya	33	91.7%
Tidak	3	8.3%
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>100%</b>

Adakah anda suka/selalu mendengar nasyid kontemporari?  
36 responses



**Rajah 1: Kekkerapan Pelajar Mendengar Nasyid Kontemporari**

Berdasarkan jadual di atas sebanyak 91.7 peratus mewakili 33 responden suka mendengar nasyid kontemporari, manakala 8.3 peratus lagi tidak kerap mendengar nasyid kontemporari.


**Jadual 4: Nasyid Kontemporari Yang Selalu Didengari/Kegemaran**

<b>Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
Bukti (Autotune Band ft The Truth) 2021	10	27.8%
Cinta Sementara (The Truth) 2020	20	55.6%
Dalil Cinta (Rabithah ft Fiti Haris) 2021	17	47.2%
Damba Kasih (Inteam ft Sufian Suhaimi) 2022	25	66.4%
Hingga Saat Akhir (Aniq Muhair) 2020	15	41.7%
Infiniti (The Truth) 2021	17	47.2%
Kau Dan Aku (Furqan Fawwaz ft Naufal Isa) 2022	14	38.9%

Ku Ingin Berubah (Rabithah) 2020	17	47.2%
Rindu (Zayne) 2020	13	36.1%
Setanggi Syurga (Inteam ft Khai Bahar) 2020	33	91.7%
Thank You Allah (Alya) 2021	23	63.9%
Tuhan Tolonglah Aku (The Truth ft Aniq Muhaimin) 2021	27	75%

Nasyid kontemporari yang selalu didengari.

36 responses



## Rajah 2: Nasyid Kontemporari Yang Selalu Didengari/Kegemaran

Jadual 4 dan rajah 2 menunjukkan kekerapan pelajar mendengar serta peka dengan perkembangan industri nasyid-nasyid kontemporari. Peratusan tertinggi ialah 91.7 peratus bagi nasyid Setanggi Syurga nyanyian Inteam ft Khai Bahar, diikuti nasyid Tuhan Tolonglah Aku nyanyian The Truth ft Aniq Muhaimin dengan peratusan sebanyak 75 peratus, nasyid Damba Kasih daripada Inteam ft Sufian Suhaimi sebanyak 66.4 peratus, nasyid Thank You Allah nyanyian Alya 63.9 peratus, nasyid Cinta Sementara nyanyian kumpulan The Truth sebanyak 55.6 peratus. Manakala bagi nasyid Dalil Cinta nyanyian Rabithah ft Fiti Haris, nasyid Infiniti nyanyian The Truth dan nasyid Ku Ingin Berubah nyanyian Rabithah mendapat peratusan sama iaitu 47.2 peratus. Seterusnya, nasyid Hingga Saat Akhir dari Aniq Muhair mendapat 41.7 peratus nasyid Kau Dan Aku nyanyian Furqan Fawwaz ft Naufal Isa sebanyak 38.9 peratus dan nasyid Rindu dari kumpulan Zayne dengan peratusan 36.1 peratus. Yang terakhir bagi nasyid Bukti nyanyian dari kumpulan Autotune Band ft The Truth mendapat peratusan sebanyak 27.8 peratus.


## Bahagian B

Soalan pada bahagian B adalah berkaitan lirik nasyid. Disini pengkaji menggunakan beberapa rangkap lirik dari 3 buah nasyid beserta jawapan yang diberikan bagi mengetahui tahap kefahaman pelajar FPQS berkenaan mesej dakwah yang ingin disampaikan. Pada bahagian ini pengkaji menggunakan 3 sample lirik nasyid iaitu nasyid Cinta Sementara (The Truth), Thank You Allah (Alya) dan Rindu (Zayne).

## Jadual 5: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Cinta Sementara (The Truth)

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Pengorbanan dan jasa ibu bapa kita sangat besar	2	5.6%
Ucaplah thank you Allah ketika kita sedang diuji dan ketika gembira	3	8.3%
Realiti pilihan yang sering dihadapi manusia sepanjang kehidupan di dunia	31	86.1%
Jumlah	36	100%

Pada pendapat anda, apakah mesej dakwah yang disampaikan dari lirik nasyid Cinta Sementara (The Truth) "Tiada sempurna angan dan cinta d...entara" "Tuhan saksikanlah usahaku mencari Mu"  
31 / 36 correct responses




### Rajah 3: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Cinta Sementara (The Truth)

Pada jadual 5 dan rajah 3 menunjukkan peratusan mahasiswa/mahasiswi FPQS dalam menilai mesej dakwah daripada lirik nasyid Cinta Sementara (The Truth). Peratusan menunjukkan sebanyak 31 responden menjawab jawapan yang betul, manakala baki 5 responden lagi menjawab jawapan yang salah.

### Jadual 6: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Thank You Allah (Alya)

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Bersyukur atas nikmat kurniaan Allah	31	86.1%
Kebahagiaan memerlukan pengorbanan	1	2.8%
Perjalanan kehidupan seorang hamba yang sedang berkelana	4	11.1%
Jumlah	36	100%

Pada pendapat anda, apakah mesej dakwah yang disampaikan dari lirik nasyid Thank You Allah (Alya) "Thank you allah for every single beat of ...aik ku sebenar-benarnya dari mu thank you allah."  
31 / 36 correct responses




### Rajah 4: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Thank You Allah (Alya)

Pada jadual 6 dan rajah 4 menunjukkan peratusan mahasiswa/mahasiswi FPQS dalam menilai mesej dakwah daripada lirik nasyid Thank You Allah (Alya). Peratusan menunjukkan sebanyak 31 responden menjawab dengan, manakala baki 5 responden lagi menjawab jawapan yang salah.

### Jadual 7: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Rindu (Zayne)

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Allah Maha Melihat, Maha Mendengar dan Maha Mengetahui	6	16.7%
Kasih sayang seorang ayah yang tiada tandingan	24	66.7%
Seorang hamba yang bertemu pelbagai persimpangan dan dilema yang menghantui	6	16.7%
Jumlah	36	100%

Pada pendapat anda, apakah mesej dakwah yang disampaikan dari lirik nasyid Rindu (Zayne) "Pada... dia yang menantiku Sabar.....ntangku tak ku endah asal saja melihatmu Bahagia"  
30 / 36 correct responses



### Rajah 5: Mesej Dakwah Dari Lirik Nasyid Rindu (Zayne)

Pada jadual 7 dan rajah 5 menunjukkan peratusan mahasiswa/mahasiswi FPQS dalam menilai mesej dakwah daripada lirik nasyid Rindu (Zayne). Peratusan menunjukkan sebanyak 24 responden menjawab dengan betul mesej dakwah dari lirik nasyid tersebut, manakala baki 12 responden lagi menjawab jawapan yang salah.

### Bahagian C

Pada bahagian C pengkaji menguji tahap kefahaman responden mewakili 36 mahasiswa/mahasiswi FPQS mengenai sejauh mana responden dapat menghuraikan secara ringkas mesej dakwah yang terkandung dalam lirik nasyid yang diberikan. Pengkaji menggunakan 3 sample lirik nasyid dalam kajian ini. Antaranya lirik nasyid Setanggi Syurga (Inteam ft Khai Bahar), lirik nasyid Ku Ingin Berubah (Rabithah) dan lirik nasyid Tuhan Tolonglah Aku (The Truth ft. Aniq Muhai).

Berdasarkan analisis dari jawapan responden, terdapat 3 unsur mesej dakwah dari lirik nasyid Setanggi Syurga. Unsur pertama dari lirik nasyid ini berkaitan janji-janji Allah kepada hambanya yang beriman. Sebagai seorang hamba perlu yakin dengan segala aturan Allah tanpa ragu-ragu. Yang mana, Allah janjikan bagi hambanya yang soleh yang mendahului dalam mengejar cinta Allah akan diberikan syurga yang indah di akhirat kelak. Seterusnya, unsur kedua menggambarkan keindahan syurga dari segi bauan syurga yang indah dan nikmat yang terkandung didalam syurga. Terdapat juga unsur dambaan kasih seorang hamba yang merindukan syurga di akhirat sana. Akhir sekali, unsur keimanan. Nasyid ini menceritakan kehidupan seorang hamba yang beriman perlu berkorban dan berusaha dalam mencari redha Allah. Seorang hamba yang beriman dan beramal soleh perlu menetapkan hati mereka serta meneguhkan iman agar sentiasa tabah dalam menghadapi cabaran dan rintangan hidup yang dilalui dalam meraih redha Allah yang abadi kerana kehidupan didunia adalah sementara.

Seterusnya, berdasarkan lirik nasyid Ku Ingin Berubah terdapat 3 unsur mesej dakwah yang difahami para responden. Unsur pertama adalah penghijrahan seorang hamba. Dalam lirik nasyid ini difahami menyeru manusia untuk berhijrah dalam memperbaiki diri kearah yang lebih baik. Yang kedua, unsur taubat dan keinsafan yang menceritakan tentang penyesalan serta keinsafan seorang hamba yang ingin bertaubat daripada kesilapan atau dosa yang telah dilakukannya. Selain itu, seorang hamba yang sentiasa berusaha merubah dirinya berhijrah kejalan yang baik yang sentiasa merintah kepada Allah supaya diberi kekuatan untuk berubah dan tidak mengulangi lagi kesilapan atau dosa tersebut. Akhir sekali, unsur luahan dan doa kepada Allah bagi memohon petunjuk serta pengampunan dari Allah. Lirik nasyid ini menunjukkan diri manusia ini hamba yang lemah untuk berubah sejurus itu, mustahil bagi kita untuk berubah dengan sendirinya kerana adanya nafsu yang belum ditarbiah.

Yang terakhir lirik nasyid Tuhan Tolonglah Aku. Berdasarkan analisis dari jawapan responden, terdapat 3 unsur dakwah dalam nasyid berkenaan. Antaranya, yang pertama unsur keinsafan. seorang hamba yang melakukan dosa. Dalam lirik ini turut menyatakan Allah itu maha pengasih. Hal ini kerana, Allah Maha menerima taubat hambanya yang ingin berubah, tidak kira betapa

banyak dosa seorang hamba itu, Allah tetap akan menerima taubatnya selagi mana seseorang itu mempunyai keinginan yang benar untuk bertaubat. Unsur kedua berkaitan ketuhanan. Mesej disampaikan dari lirik nasyid menunjukkan tuhan itu maha pemurah kerana sentiasa tetap memberikan nikmat kepada hambanya walaupun seseorang itu banyak melakukan maksiat kepadanya. Yang terakhir, unsur dakwah yang disampaikan dari lirik nasyid ini berkaitan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Dalam erti kata lain, manusia itu hamba yang lemah dan Allah berkehendak apa-apa sahaja keatas hambanya kerana manusia itu semuanya milik Allah.

### Bahagian D

Soalan yang terkandung di dalam bahagian D adalah berkaitan persepsi mahasiswa/mahasiswi FPQS berkenaan dakwah melalui lirik nasyid kontemporari. Antara soalan yang diutarakan oleh pengkaji adalah sejauh mana pelajar dapat membezakan lagu nasyid moden dengan lagu yang lain berdasarkan nasihat pada lirik nasyid. Seterusnya soalan tentang persepsi pelajar mengenai impak terhadap emosi pendengar nasyid yang memberi ketenangan. Selain itu, soalan bagi mengetahui adakah rentak muzik nasyid moden mempengaruhi pengamatan pendengar memahami mesej dakwah. Disamping itu, pengkaji juga mangkaji adakah medium dakwah melalui industri nasyid sesuai diterapkan bagi pendakwah. Akhir sekali, pengkaji ingin mengetahui sejauh mana responden ingin mengaplikasikan pesan dakwah yang terkandung dalam lirik nasyid.


**Jadual 8: Saya Dapat Membezakan Lagu Nasyid Moden Dengan Lagu Yang Lain Dengan Mudah Kerana Nasyid Moden Mempunyai Nasihat Yang Baik Pada Lirikny**

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0%
Tidak Setuju	3	8.3%
Tidak Pasti	8	22.2%
Setuju	16	44.4%
Sangat Setuju	9	25%
Jumlah	36	100%

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Saya dapat membezakan lagu nasyid moden dengan lagu yang lain dengan mudah kerana nasyid moden mempunyai nasihat yang baik pada lirikny

36 responses



**Rajah 6: Saya Dapat Membezakan Lagu Nasyid Moden Dengan Lagu Yang Lain Dengan Mudah Kerana Nasyid Moden Mempunyai Nasihat Yang Baik Pada Lirikny**

Sumber: Muhammad Harith, (2017)


Merujuk kepada data yang diperolehi dari jadual dan rajah diatas 8.3 peratus responden tidak setuju lagu nasyid moden dengan lagu nasyid lain dapat dibezakan berpandukan isi nasihat yang baik dalam lirik nasyid moden. Selain itu, seramai 22.2 peratus responden tidak pasti dalam membezakan lagu nasyid moden dengan lagu yang lain. Manakala, majoriti responden seramai 44.4 peratus setuju mereka dapat membezakan lagu nasyid moden dengan lagu yang lain dengan mudah kerana nasyid moden mempunyai nasihat yang baik pada lirikny. Seterusnya, 25 peratus responden memilih sangat setuju bahawa mereka dapat membezakan nasyid moden dengan lagu yang lain.

**Jadual 9: Mendengar Dakwah Dari Nasyid Boleh Memberikan Ketenangan Dan Kesan Kepada Emosi Pendengar**

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0%
Tidak Setuju	0	0%
Tidak Pasti	2	5.6%
Setuju	15	41.7%
Sangat Setuju	19	52.8%
Jumlah	36	100%

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Mendengar dakwah dari nasyid boleh memberikan ketenangan dan kesan kepada emosi pendengar  
36 responses



**Rajah 7: Mendengar Dakwah Dari Nasyid Boleh Memberikan Ketenangan Dan Kesan Kepada Emosi Pendengar**

Sumber: Muhammad Harith, (2017)


Dalam pemerhatian jadual dan rajah diatas, seramai 5.6 peratus tidak setuju dengan mendengar dakwah dari nasyid boleh memberikan ketenangan dan kesan kepada emosi pendengar. Selain itu, seramai 41.7 peratus setuju dakwah dari nasyid dapat memberi impak ketenangan kepada emosi pendengar. Manakala majoriti responden seramai 52.8 peratus sangat setuju bahawa mereka mendapat ketenangan serta emosi mereka terkesan apabila mendengar dakwah dari nasyid.

**Jadual 10: Rentak Musik Nasyid Moden Yang Rancak Tidak Mengganggu Pendengar Mengamati Pesan Dakwah**

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0%
Tidak Setuju	3	8.3%
Tidak Pasti	9	25%
Setuju	17	47.2%
Sangat Setuju	7	19.4%
Jumlah	36	100%

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Rentak muzik nasyid moden yang rancak tidak mengganggu pendengar mengamati pesan dakwah  
36 responses



### Rajah 8: Rentak Musik Nasyid Moden Yang Rancak Tidak Mengganggu Pendengar Mengamati Pesan Dakwah

Sumber: Muhammad Harith, (2017)


Data dari jadual dan rajah diatas menunjukkan 8.3 peratus tidak setuju bahawa rentak musik nasyid moden yang rancak tidak mengganggu pendengar mengamati pesan dakwah. Selain itu, 25 peratus tidak pasti samaada rentak muzik nasyid moden yang rancak mengganggu pendengar dalam mengamati pesan dakwah. Manakakala, majoriti responden seramai 17 orang dengan 47.2 peratus setuju pendengar dapat mengamati pesan dakwah walaupun rentak muzik nasyid moden yang rancak. Akhir sekali sebanyak 19.4 peratus memilih sangat setuju bahawa rentak muzik nasyid moden tidak mempengaruhi pendengar mengamati pesan dakwah yang disampaikan.

### Jadual 11: Dakwah Melalui Nasyid Menarik Minat Pendengar Dan Sangat Sesuai Dipraktikkan Oleh Pendakwah

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0%
Tidak Setuju	0	0%
Tidak Pasti	1	2.8%
Setuju	18	50%
Sangat Setuju	17	47.2%
Jumlah	36	100%

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Dakwah melalui nasyid menarik minat pendengar dan sangat sesuai dipraktikkan oleh pendakwah  
36 responses



### Rajah 9: Dakwah Melalui Nasyid Menarik Minat Pendengar Dan Sangat Sesuai Dipraktikkan Oleh Pendakwah

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Jadual dan rajah di atas menunjukkan 2.8 peratus responden tidak pasti dakwah melalui nasyid menarik minat pendengar dan sangat sesuai dipraktikkan oleh pendakwah. Namun, majoriti iaitu sebanyak 50 peratus mewakili 18 responden bersetuju bahawa dakwah melalui nasyid sangat sesuai dipraktikkan oleh pendakwah kerana dapat menarik minat pendengar. Manakala 47.2 peratus sangat setuju dengan pendekatan dakwah oleh pendakwah melalui lirik nasyid yang dapat menarik minat pendengar.


### Jadual 12: Saya Mencuba Mengikuti Nasihat Yang Terkandung Di Dalam Lirik Nasyid

Jawapan	Frekuensi	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0%

Tidak Setuju	1	2.8%
Tidak Pasti	3	8.3%
Setuju	18	50%
Sangat Setuju	14	38.9%
Jumlah	36	100%

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Saya mencuba mengikuti nasihat yang terkandung di dalam lirik nasyid  
36 responses



### Rajah 10: Saya Mencuba Mengikuti Nasihat Yang Terkandung Di Dalam Lirik Nasyid

Sumber: Muhammad Harith, (2017)

Berdasarkan carta jadual dan rajah diatas, data menunjukkan 2.8 peratus memilih tidak setuju untuk mencuba mengikuti nasihat yang terkandung di dalam lirik nasyid. Selain itu, 8.3 peratus tidak pasti untuk mengikut nasihat yang terkandung dalam lirik nasyid. Seterusnya, 18 responden bersetuju untuk cuba mengikuti nasihat yang terkandung di dalam lirik nasyid. Manakala 38.9 peratus sangat setuju untuk mengikuti nasihat dakwah yang terkandung.

### Rumusan

Keputusan dari hasil kajian terhadap 36 responden mahasiswa/wi FPQS menunjukkan dapatan positif bahawa lirik nasyid memainkan peranan dalam penyampaian dakwah. Analisis dari keseluruhan jawapan menunjukkan responden cakna dengan perkembangan industri nasyid kontemporari. Hal demikian, dari hasil kajian membuktikan 33 dari 36 responden minat mendengari nasyid kontemporari seperti nasyid “Setinggi Syurga”, “Tuhan Tolonglah Aku” dan “Damba Kasih” yang mendapat peratusan tertinggi diantara nasyid kontemporari yang lain. Selain itu, hasil kajian juga membuktikan bahawa mahasiswa/wi FPQS faham dan jelas dalam menghuraikan maksud mesej dakwah yang disampaikan melalui lirik nasyid kontemporari. Dalam erti kata lain, para responden bukan sahaja mendengar namun turut mengamati pesan dakwah yang disampaikan melalui lirik nasyid demikian. Berdasarkan analisis data dari bahagian D, majoriti pelajar FPQS bersetuju mereka dapat membezakan lagu nasyid moden dengan yang lain kerana mempunyai nasihat yang baik pada liriknya. Selain itu, hampir semua pelajar bersetuju dengan mendengar nasyid boleh memberikan ketenangan kerana alunan merdu yang menarik minat pendengar untuk mendengar dan sangat sesuai dipraktikkan oleh pendakwah. Berikutnya, seramai 32 pelajar FPQS bersetuju bahawa mereka dapat mengikuti nasihat yang terkandung di dalam lirik nasyid kerana sambil mereka menghafal lirik pada masa yang sama menghayati lirik dan alunannya. Jelas disini menunjukkan bahawa lirik nasyid kontemporari adalah mudah difahami akan mesej dakwah yang disampaikan. Konklusinya, lirik nasyid memainkan peranan dalam dakwah dalam menyampaikan mesej positif dan nilai baik seperti mengingati Allah, memberi ketenangan dan meningkatkan kesedaran.

### Kesimpulan

Arus kemodenan negara bergerak pantas seiring dengan kehidupan seharian manusia. Oleh itu, masyarakat perlulah mengikuti arus kemodenan ini bagi menjamin kemajuan diri agar tidak ketinggalan arus moden ini. Namun perlu diingatkan, agar tidak mudah terikut trend moden yang tidak membina kemajuan diri, bangsa dan negara. Hal demikian juga dapat diperlihatkan melalui

industri hiburan iaitu nyanyian nasyid. Bahkan, insdustri nasyid kini lebih kreatif dalam mencipta rentak muzik serta alunan bunyi agar dapat menarik minat generasi muda pada era ini. Hal ini dibuktikan dengan pelbagai nasyid yang terdahulu diubahsuai dari segi lenggok serta alunan suara bagi memberi pengamatan kepada pendengar. Di samping itu, hal ini boleh diterapkan dalam dakwah secara moden iaitu melalui nasyid. Justeru itu, di era ini industri nasyid dilihat turut memainkan peranan dalam penyebaran dakwah. Hal ini dibuktikan melalui hasil kajian di atas, yang mana para mahasiswa/wi dapat menjelaskan dengan baik mesej dakwah daripada lirik nasyid yang diberikan. Oleh hal demikian, para pendakwah perlu mengambil inisiatif baru dalam penyebaran dakwah Islam melalui media hiburan iaitu nasyid kontemporari. Jelaslah disini nasyid kontemporari masih lagi relevan sebagai medan penyampaian dakwah kepada masyarakat diluar sana.

## Rujukan

- Abdul Salam Muhamad Shukri. (2021). An overview of the concept, meanings, nature and significance of Islamic da'wah. *AL-ITQĀN Journal of Islamic Sciences and comparative studies*, vol. 5, Issue 1, 19-49.
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad. (2020). Persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah. *The online journal of Islamic education*, vol. 8(1). Pulau Pinang
- Al-Quran al-Karim, Surah al-Nahl, Juz 14, Ayat 125 &135
- Dwi Nur Masitah. (2020). Penggunaan Musik dalam Aktivitas Dakwah oleh Orkestra Ronggo Jumeno Madiun. Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Ponorogo.
- Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed. (2017). Analisis terhadap peranan nasyid dalam dakwah. *Jurnal ilmiah Islam futura*, vol. 16(2), 227–242. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Fitri Yanti. (2016). Komunikasi Dakwah Dalam Kesenian Nasyid. *Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi*, Vol. 12/2. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Hannah Zulkifli & Khazri Osman. (2022). Pendekatan nasyid dalam dakwah Islam. seminar dakwah & wahdah al-ummah, Interaksi dakwah di Malaysia merentas zaman, Fakulti Pengajian Islam. UKM.
- Ibn Manzur. (1994). *Lisān al-‘Arab*, Jil.3. Cet.3 Beirut: Dār al-Fikr.
- Kamus Bahasa Melayu. Persepsi. *kamusbm.com*. Retrieved November 24, 2022, from <https://kamusbm.com/?s=persepsi>
- Luki A.L., Ahmad T.S. & Edi, S. (2015). Implementasi Dakwah Islam melalui Seni Musik Islami. *Tarbawy*, Vol. 2(1), Universitas Pendidikan Indonesia.
- Lukmanul H.H., Zulkifli M.A., & Raja R.R.S. (2014). Hiburan: Muzik, nyanyian, nasyid menurut perspektif fiqh dan fatwa. *Jurnal pengurusan dan penyelidikan fatwa*.
- Maria Ulfa. (2017). Muslim pop: Voicing da'wa through contemporary English nasyid love song lyrics in southeast asia. *Advances in social Science, education and humanities research (ASSEHR)*, vol. 154. International Conference on Culture and Language in Southeast Asia. Jakarta.
- Merriam-Webster. (n.d.). Contemporary. In *Merriam-webster.com dictionary*. Retrieved November 24, 2022, from <https://www.merriam-webster.com/dictionary/contemporary>
- Muhammad A.N., Muhammad Z.R., Syed N.S.H., Iftikhar Rosli. (2022). Kandungan Al-Quran dan Hadis di TikTok: Tinjauan Persepsi Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7* (eISSN 2811-4051).
- Muhammad Harith Mohd Noh. (2017) (2019). Persepsi Mahasiswa Terhadap Dakwah Melalui Nasyid Modern (Studi pada Mahasiswa Komunikasi Penyiaran Islam Fakultas Dakwah dan Komunikasi UIN Raden Fatah Palembang). *Jurnal Intelektualita: Keislaman, Sosial, dan Sains*, vol. 8(1). Palembang
- Nur Sakinah Sabari. (2018). Retorik pembujukan dakwah dalam lagu nasyid: Kajian terhadap lagu Opick dan Hafiz Hamidun. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Sugihartono, et al. (2007). Psikologi pendidikan. *UNY Press*. Yogyakarta.